



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BENGKEL HALA TUJU UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)

PUTRAJAYA, 20 Mac 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Bengkel Hala Tuju MITRA** pada hari ini bertempat di Dewan Damar Sari, Kompleks F, Putrajaya. Pelaksanaan bengkel ini bertujuan **merangka hala tuju jangka pendek, sederhana, dan panjang bagi MITRA sekali gus menyelaraskan semula Pelan Tindakan Masyarakat India sedia ada supaya lebih realistik dan berfokus.**

YB Menteri Perpaduan Negara memberi jaminan bahawa akan memberikan **perhatian khusus kepada pembangunan sosioekonomi dan peningkatan taraf hidup masyarakat India di Malaysia.** Antara fokus utama akan diberikan perhatian meliputi **pembangunan modal insan, keusahawanan dan kerjaya, serta pembangunan sosial dan kebajikan.**

KPN juga telah melantik firma perunding PEMANDU untuk **melaksanakan kaji selidik, bengkel, sesi libat urus, *syndication session*, dan penyediaan laporan akhir** untuk membantu KPN menetapkan hala tuju baharu MITRA. **Pelantikan firma perunding ini mengikut tatacara dan peraturan kewangan kerajaan iaitu Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 3.2 dengan menggunakan peruntukan operasi kementerian tanpa menggunakan peruntukan MITRA.**

PEMANDU telah melaksanakan **kajian terperinci berhubung Malaysian Indian Blueprint 2017 dan Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) 2021.** Melalui itu, didapati bahawa hanya 6 daripada 23 strategik PTMI berada di bawah bidang kuasa MITRA. Kajian mendapati kekangan utama dalam menjayakan pelaksanaan PTMI sebelum ini adalah disebabkan limitasi oleh mandat MITRA. Antara lain tujuan pelaksanaan bengkel ini adalah untuk menyelaraskan semula perkara ini agar dapat **diselaraskan dengan mandat MITRA sebagai agensi peneraju pembangunan sosioekonomi masyarakat India.**

YB Menteri Perpaduan Negara menegaskan bahawa **dakwaan tentang PEMANDU menguruskan pengagihan bantuan kewangan MITRA adalah tidak benar.** Sebarang kelulusan dan agihan peruntukan yang terlibat akan **dibuat melalui Jawatankuasa Penilai KPN yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.**

Kementerian telah menjenamakan semula Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas MITRA (JPPK MITRA) kepada **Jawatankuasa Petugas Khas MITRA (JKPK MITRA)** yang akan dipengerusikan oleh YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran. KPN juga sedang meneliti cadangan empat (4) ahli lain yang terdiri daripada ahli akademik, korporat, pertubuhan badan bukan kerajaan dan wakil pertubuhan agama dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa. Fungsi JKPK adalah memberi nasihat dalam memperhalusi dasar atau polisi MITRA serta menentukan inisiatif/ program pembangunan sosioekonomi masyarakat India selaras dengan hala tuju MITRA.

“Agenda transformasi MITRA memerlukan program inovatif untuk pertumbuhan ekonomi masyarakat India. Saya berharap bengkel ini membantu menyelaraskan Pelan Tindakan Masyarakat India agar lebih fokus terhadap penyelesaian masalah seperti pembasmian kemiskinan, pengangguran, pendidikan, ekonomi, kebajikan, dan kesejahteraan hidup. Kerjasama semua pihak akan mencetuskan pemikiran baharu dalam menangani masalah tersebut,” ujar Datuk Aaron.

YB Menteri Perpaduan juga menyatakan komitmen bahawa **Kementerian melalui Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa akan memantau sepenuhnya pelaksanaan strategik dan inisiatif yang dirancang** bagi menambah baik kualiti hidup masyarakat India.

Bengkel yang akan diadakan selama tiga (3) hari ini disertai oleh pelbagai pemegang taruh, termasuk wakil agensi kerajaan, korporat, pihak swasta, pertubuhan agama, pertubuhan bukan kerajaan, dan persatuan belia. Pada hari ketiga (22 Mac 2024) bengkel ini akan disertai oleh pemimpin-pemimpin parti politik seterusnya satu sesi libat urus bersama semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri berbangsa India pada 27 Mac 2024 di Parlimen Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

20 Mac 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat lapan (8) Jabatan/ Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()